

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, September 6, 2017 12:07 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mahasiswa Baharu Kagum Dengan Perkhidmatan Teknologi Maklumat Di UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



6 SEPTEMBER 2017 / 15 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MAHASISWA BAHARU KAGUM DENGAN PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI UUM



UUM ONLINE: Mahasiswa baharu Sesi Pertama 2017/2018 Universiti Utara Malaysia (UUM) telah diberi taklimat mengenai perkhidmatan dan fasiliti teknologi maklumat (IT) di kampus ini.

Taklimat yang disertai semua pelajar baharu itu telah disampaikan oleh Pengarah UUM Information Technology (UUMIT), Kamarudin Abdullah di Dewan Mu'Adzam Shah, malam tadi.

Kecanggihan perkhidmatan IT di UUM ternyata dikagumi oleh mahasiswa baharu yang rata-ratanya memberi reaksi positif sepanjang taklimat berlangsung.

Pada taklimat itu mereka didedahkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan IT yang terdapat di UUM seperti UUM Portal, UUM Mobile, UUM Online Learning, sistem-sistem akademik, akses UUMWiFi di setiap bangunan akademik, pentadbiran dan dewan penginapan pelajar, UUM Email dan fasiliti-fasiliti IT lain seperti *student lounge*, makmal komputer dan kemudahan muat turun perisian untuk pembelajaran.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.